

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 JULY 2017

GHAFAR KORBAN SI 'ANAK EMAS'

um-4/7/2017
Pg. 10

PADA 1982, Datuk Seri Anwar Ibrahim, orang muda baru berkeris masuk UMNO melalui loncatan tingkap, bukan menerusi pintu biasa. Dr. Mahathir Mohamad yang ketika itu Presiden UMNO dan Perdana Menteri memelawa Anwar masuk melalui politik Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), tidak melalui perjuangan UMNO.

Catatan kemasukannya ke dalam UMNO macam peristiwa pesta sedangkan cemuhan dan kritikan Anwar terhadap UMNO dan pimpinannya sebelum itu diketahuai ramai sebagai keterlaluan.

Selama 16 tahun Anwar diasuh dan dibelai oleh Dr. Mahathir. Meloncat dari satu tahap ke satu tahap yang lain sehingga sampai menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO.

Pada 1993, Ghafar Baba ditumbangannya melalui politik proksi. Penyokongnya mendakwa Dr. Mahathir yang 'merestui' sepenuhnya perebutan jawatan nombor dua itu.

Peristiwa itu menyaksikan Ghafar 'dibelasah' oleh UMNO sehinggakan pencalonannya tidak mencukupi dan terpaksa menarik diri. Jasa seorang ketua yang berkhidmat setia untuk UMNO dilupakan begitu sahaja. Sedikit penghormatan dengan memberi pencalonan kepada beliau pun UMNO tidak sanggup.

Ini kerana semata-mata ada wira baharu yang handal masa itu, iaitu Anwar.

Ghafar berundur daripada jawatan Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri apabila kedudukannya sebagai Timbalan Presiden UMNO di-

MUKADIMAH

SEJAK dulu lagi Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad penuh dengan kerenah dan sikapnya yang kontroversi serta sukar dikawal sesiapa.

Gelagat bekas Perdana Menteri itu seolah-olah suatu

seni politik 'sapu sahaja, janji boleh' - yang setara dengan inti pemikiran politik Machiavelli yang berteraskan kekuasaan. Ikuti babak-babak yang pernah dicituskan Dr. Mahathir semasa beliau berurusan dalam parti dan kerajaan dalam 10 siri yang dilaporkan wartawan *Utusan Malaysia*, **ZULKIFLI JALIL**.



GHAFAR BABA (kiri) bersalaman dengan Dr. Mahathir Mohamad pada hari pertama menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, pada 1986. - ARKIB UTUSAN

cabar oleh Anwar. Tujuannya bagi mengelak perpecahan dalam parti dan mempertahankan kestabilan negara. Surat peletakan jawatan ditulis pada kertas Penerbangan Malaysia di bilik VIP Lapangan Terbang Antarabangsa Subang untuk berlepas ke Korea Selatan bagi tugas rasmi.

Dalam satu lagi berita bergambar semasa itu, ramai menaruh

simpati dan sedih melihat foto Ghafar sedang menjinjing sebuah beg plastik dalam perjalanan hendak ke Indonesia. Ia sehari selepas beliau ditumbangkan sebagai orang nombor dua dalam kerajaan dan parti.

Anehnya sebelum itu berkali-kali Anwar membuat pengakuan beliau tidak akan menentang Ghafar. Ini satu lagi pengamatan

ditonjolkan: 'Tidak', tidak semestinya bererti 'tidak' dalam taktik politik. 'Tidak' boleh membawa erti ya?

Para perwakilan UMNO yang hadir di Pusat Dagangan Dunia Putra pada hari berkenaan memberikan tepukan gemuruh - tanda endorsemen kepada pasangan Dr. Mahathir-Anwar.

Hakikatnya tanpa asuhan dan bimbingan pucuk pimpinan masa itu (diketuai Dr. Mahathir), masakan Anwar dapat meraih kedudukan yang dirancangkannya dengan menyingkirkan Ghafar. Ini sekalipun kebolehan nya mewujudkan sel-sel politik kader dan membina anak tangga naik ke singgahsana politik memang diakui

Dan bagaimana pula jasa seorang ketua yang berkhidmat setia untuk UMNO seperti Ghafar begitu mudah dilupakan Dr. Mahathir?

Padahal dalam pemilihan Perhimpunan Agung UMNO 1987, Ghafar melalui gandingannya dengan Dr. Mahathir berjaya mengalahkan Musa Hitam bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO dengan majoriti tipis, 40 undi.

Namun benarlah kata pepatah Melayu, buat jahat jangan sekali. Setelah menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan selama lebih empat tahun, Anwar mula merancang untuk menumbangkan Dr. Mahathir.

Akhirnya peristiwa 2 September 1998 berlaku. Anwar, si anak emas Dr. Mahathir terpaksa diberhentikan daripada kedudukan yang dirancangkannya. Ini kerana terbukti di mahkamah perlakuannya amat merosakkan sistem yang diwujudkan dengan jayanya selama ini.